

Headline **Industri bioteknologi tumbuh 20 peratus**
Date **28 May 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Bisnes**
Journalist **IKHWAN IDERIS**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **53**
Article Size **93 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **429**
PRValue **1,288**



Industri bioteknologi tumbuh 20%

IKHWAN IDERIS

KUALA LUMPUR – Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), agensi peneraju bagi pembangunan bioteknologi di negara ini mengunjurkan pertumbuhan perolehan sebanyak 20 peratus pada tahun ini berikutan prestasi pasaran dalam dan luar negara yang memberangsangkan baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Iskandar Mizal Mahmood berkata, sunguhpun industri bioteknologi global tumbuh di sekitar 20 sehingga 30 peratus, prestasi yang diunjurkan itu boleh dianggap amat membanggakan kerana Malaysia adalah pemain baru dalam industri ini.

“Daripada 163 syarikat yang mendapat status BioNexus, 43 peratus daripadanya adalah syarikat yang baru memulakan perniagaan dalam bidang ini, 54 peratus lagi terdiri daripada industri kecil dan sederhana dan hanya 3 peratus daripadanya adalah syarikat yang telah matang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis *Bio Partnering 2010* yang menemukan pemain-pemain utama dalam industri bioteknologi untuk meneroka potensi baru dan membangunkan industri bioteknologi yang berterusan.

Majlis itu turut memaparkan peranan BioNexus Partners (BNP), yang merupakan makmal dan unit yang dipilih BiotechCorp untuk memastikan industri mempunyai akses kepada perkhidmatan, peralatan dan fasiliti yang dibiayai kerajaan seperti institusi pengajian tinggi, institut penyelidikan dan syarikat berkaitan kerajaan.

Terdapat 41 organisasi yang terbabit dalam program BNP, antaranya ialah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), SIRIM Berhad dan institut pengajian tinggi awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM).